

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 20 FEBRUARI 2014 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MOSTI setuju tangguh korporatkan tiga agensi	Utusan Malaysia
2.	MOSTI komersial 360 produk	Sinar Harian
3.	MOSTI mahu komersilkan 60 produk projek R&D tahun ini	Bernamea.com
4.	60 produk inovasi dikomersialkan tahun ini	KOSMO
5.	Air semua empangan terus susut	Utusan Malaysia
6.	LUAS, JMM sedia lakukan pembenihan awan	Harian Metro
7.	Cloud seeding to proceed when weather is suitable	New Straits Times
8.	RM500,000 untuk pembenihan awan	Sinar Harian
9.	How cloud seeding works	The Malay Mail
10.	Trapped air turns up the heat	The Malay Mail

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 23
TARIKH: 20 FEBRUARI 2014 (KHAMIS)

Mosti setuju tangguh korporatkan tiga agensi

KUALA LUMPUR 19 Feb. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bersetuju menangguhkan sementara pengkorporatan tiga agensinya pada 1 Mac ini sehingga tempoh yang belum ditetapkan.

Timbalan Menteri, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, pihaknya mempertimbangkan permintaan itu dan memahami rayuan yang dikemukakan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS).

Bagaimanapun, menurutnya, langkah pengkorporatan tiga agensi terbabit akan tetap dilaksanakan memandangkan ia telah diputuskan oleh Kabinet.

"Kementerian mengadakan pertemuan dengan CUEPACS semalam untuk membincangkan mengenai perkara itu dan perjumpaan tersebut berlangsung dalam keadaan baik.

"Kami tahu kebanyakan daripada kakitangan terlibat ada yang baharu bekerja dan mereka lebih gemar untuk berada di bawah kerajaan," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa IECEX 2014, di sini hari ini. Yang turut hadir, Ketua Penger-



ABU BAKAR

rah Jabatan Standard Malaysia, Fadilah Baharin; Pengerusi Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia, Tan Sri Mustafa Mansur dan Pengerusi Jawatankuasa Elektroteknikal Kebangsaan Malaysia, Datuk Ir. Ahmad Fauzi Hasan.

Isnin lalu, Presiden CUEPACS, Azih Muda menggesa kementerian

itu agar menangguhkan sementara pengkorporatan Institut Farmasetikal dan Nutrasetikal Malaysia (IPharm); Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI) serta Institut

Genom Malaysia (MGI) yang akan digabung menjadi Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM).

Tambah Abu Bakar, biarpun akan dikorporatkan, kebajikan kakitangan yang memilih untuk menyertai skim korporat akan tetap dipelihara selain menawarkan opsi untuk bersara awal.

Sementara itu, Mosti menyasarkan untuk mengkomersialkan sekurang-kurangnya 60 projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) pada tahun ini.

"Menjelang 2020, sejumlah 360 projek R&D dijangka dapat dikomersialkan, antaranya ialah pro-

duk elektrik, makanan dan ubat-ubatan yang akan dijual di pasar raya, farmasi dan rak-rak kedai sebagai pilihan kepada orang ramai.

"Malaysia berdepan cabaran untuk memasarkan produk R&D yang kebanyakannya masih disimpan biarpun banyak memenangi anugerah di peringkat antarabangsa

"Oleh itu, strategi untuk melonjakkan Malaysia mencapai taraf negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 ialah mengkomersialkan hasil R&D seperti produk teknologi dan memasarkannya ke seberang laut," katanya.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT 55
TARIKH: 20 FEBRUARI 2014 (KHAMIS)

Mosti komersil 360 produk

KEMENTERIAN Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) menyasarkan untuk mengkomersilkan 360 produk menerusi pembangunan dan penyelidikan (R&D) daripada syarikat dan agensi tempatan menjelang 2020.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, tahun ini sebanyak 60 produk akan dikomersilkan melibatkan pelbagai segmen termasuk elektrik, makanan dan ubat-ubatan.

"Kesemua produk yang akan dikomersilkan itu, tidak kira produk saiz kecil atau

besar, mestilah merupakan produk yang sedia untuk dijual kepada pengguna di pasar raya, farmasi dan kedai," katanya selepas melancarkan Persidangan Antarabangsa IECEEx 2014 di Kuala Lumpur, semalam.

Menurutnya, bagi mencapai sasaran itu, Mosti menyalurkan RM750 juta tahun ini bagi membantu syarikat tempatan dan agensi penyelidikan untuk mengkomersilkan produk mereka.

Mosti mempunyai tiga dana di bawah dana R&D iaitu dana sains dengan nilai peruntukan RM500,000, dana

Techno sebanyak RM3 juta dan dana Inno RM3 juta.

Persidangan Antarabangsa IECEEx 2014 yang berlangsung semalam sehingga hari ini bertujuan meningkatkan kesedaran dalam pembangunan sektor bahan letupan dalam sistem IECEEx, peluang menjalin rangkaian di antara peserta dan bertukar pengetahuan dan pengalaman dengan pakar antarabangsa.

Persidangan itu disertai oleh 250 peserta dari syarikat tempatan dan 10 negara luar seperti Korea, Singapura, Indonesia, Brunei, China, Thailand dan Ghana.



Mosti Mahu Komersilkan 60 Projek R&D Tahun Ini

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti)** merancang mengkomersilkan sekurang-kurangnya 60 projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dihasilkan oleh syarikat tempatan tahun ini, kata **Timbalan Menteri Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah**.

Beliau berkata menjelang 2020, sejumlah 360 projek R&D dijangka dapat dikomersilkan.

"Antara lain, ia termasuk produk elektrik, makanan dan ubat-ubatan.

"Kami berharap menjualnya di pasar raya, farmasi dan rak-rak kedai untuk orang ramai," kata Abu Bakar kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa IECEX 2014 di sini hari ini.

"Cabaran yang dihadapi Malaysia ialah walaupun syarikat kita memenangi banyak anugerah antarabangsa untuk projek R&D, hasilkan masih kekal disimpan dan belum dapat dipasarkan.

"Strategi untuk melonjakkan Malaysia mencapai taraf negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 ialah mengkomersilkan hasil R&D seperti produk teknologi dan memasarkannya ke seberang laut," katanya.

Abu Bakar berkata bagi mencapai matlamat itu, MOSTI memperuntukkan RM750 juta tahun ini untuk membantu syarikat tempatan dan institusi penyelidikan menjalankan R&D dan mengkomersilkan idea mereka.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NIAGA) : MUKA SURAT 51
TARIKH: 20 FEBRUARI 2014 (KHAMIS)

60 produk inovasi dikomersialkan tahun ini

KUALA LUMPUR - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menjangkakan sekurang-kurangnya 60 produk inovasi dan berteknologi tinggi dikomersialkan pada tahun ini.

Timbalan Menteri, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah (**gambar**) berkata, untuk merealisasikan cadangan tersebut, pihaknya telah memperuntukkan dana sebanyak RM750 juta untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan pengkomersialan.



Menurut beliau, MOSTI telah menyediakan tiga dana bagi membiayai program tersebut iaitu Dana Sains yang bernilai RM500,000, manakala Tekno dan Inno masing-masing bernilai RM3 juta.

“Kerajaan mahu lihat produk dan perkhidmatan seperti makanan, perubatan, elektrik berada di pasar raya dan farmasi di Malaysia pada tahun ini.

“Menjelang tahun 2020, kami menyasarkan sebanyak 360 produk berada di pasaran,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa IECEEx 2014 di sini semalam.

Persidangan selama dua hari yang melibatkan 250 orang peserta dari Korea, Singapura, Indonesia, Brunei, China, Thailand dan Ghana.

Ia bertujuan untuk membincangkan tentang pelaksanaan standard keselamatan membabitkan kelengkapan elektrik dalam persekitaran yang berbahaya.

IECEEx merupakan satu skim persijilan daripada Suruhanjaya Elektroteknikal Antarabangsa yang meliputi penilaian dan audit organisasi setempat yang menyediakan perkhidmatan baik pulih industri berisiko tinggi seperti industri minyak dan gas.

